

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Orang Asal Sarawak ditakrifkan oleh Perkara 161A (7) Perlembagaan Persekutuan tetapi suku kaum Berawan dan Saban yang tinggal di utara Sarawak tidak berada dalam senarai. Namun suku kaum Berawan dikatakan kumpulan etnik pertama yang berhijrah ke utara Sarawak berabad yang lalu. Adakah Kerajaan akan meminda Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan untuk memasukkan suku kaum Berawan dan Saban dalam senarai.

**JAWAPAN**

**YB DATO HAJJAH HANIFAH HAJAR TAIB, TIMBALAN MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN  
SARAWAK)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2021 iaitu melibatkan cadangan pindaan kepada Fasal (2) kepada Perkara 1, Fasal (2) kepada Perkara 160(2) mengenai bagi meminda tafsiran sedia ada bagi maksud “Persekutuan” dan bagi memasukkan definisi baharu “Hari Malaysia” telah diperakukan oleh Majlis Khas MA63 pada 18 Oktober 2021 dan telah dibawa kepada Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2021. Cadangan pindaan ini akan turut dibentangkan bersekali dengan cadangan pindaan kepada Fasal (6) dan Fasal (7) kepada Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan yang mana akan dapat menyelesaikan masalah yang berbangkit berhubung tafsiran anak Negeri Sarawak atau dengan izin, *native of Sarawak*.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bacaan Kali Pertama dan Bacaan Kali Kedua RUU adalah pada sidang mesyuarat Parlimen kali ini.